

# Pasoh digazet hutan penyelidikan

Dijadikan sebagai tapak kajian pelbagai agensi, universiti tempatan dan luar negara

**PASOH** - Siapa sangka kawasan hutan simpan berhampiran Felda Pasoh seluas 1,840 hektar dekat sini merupakan hutan penyelidikan yang telah digazetkan usaha Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.

Untuk ke kawasan ini, pengunjung perlu menyusuri ladang kelapa sawit sejauh 1.7 kilometer sebelum tiba ke lokasi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

## Dijadikan tapak kajian

Penyelaras Stesen Penyelidikan FRIM Pasoh (SPF Pasoh), Dr Christine Fletcher berkata, sejak tahun 1970 hingga 1974, stesen tersebut menjadi tapak penyelidikan intensif ekologi dan dinamik hutan hujan pemail di bawah projek penyelidikan bersama Universiti Malaya dan International Biological Programme (IBP).

Menurutnya, Pasoh juga adalah tapak kajian utama bagi Projek Pembiakan Biologi Pokok Hutan, sebuah projek kerjasama antara Universiti Aberdeen dan Universiti Malaya dari tahun 1974 hingga 1978.

"Sejak itu, pelbagai projek penyelidikan biodiversiti, produktiviti hutan, flora, fauna, mikro meteorologi, tanah, hidrologi dan kitaran nutrien telah dijalankan dengan kerjasama universiti-universiti tempatan.

Pada Disember 1977, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia telah mengambil alih pengurusan

hutan Pasoh daripada Universiti Malaya. Ia dicapai melalui kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan," katanya ketika ditemui.

Fletcher berkata, hutan Pasoh telah menjadi stesen penyelidikan hutan tropika yang terkemuka. Hal ini tidak akan tercapai tanpa komitmen daripada Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan yang telah mengazetkan 1840 Hektar kawasan Hutan Simpan Pasoh sebagai hutan penyelidikan.

"Semua aktiviti penyelidikan dipantau oleh Jawatankuasa Penyelidikan Pasoh (PRC) di FRIM sejak tahun 1999. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan juga merupakan ahli jawatankuasa tersebut," katanya.


## Kepelbagaian flora

Difahamkan, tarikan utama Hutan Simpan Pasoh adalah kepelbagaian floranya.

Sebanyak 335,256 batang pokok berdiameter 1 sm dbh (*diameter at breast height*) dan ke atas, tergolong dalam 814 spesies, 294 genera dan 78 famili telah direkodkan di dalam kawasan berkeluasan 50 hektar.

Fletcher berkata, walaupun Pasoh tidak lagi mempunyai haiwan berkarisma seperti harimau dan gajah, ia masih lagi mempunyai komposisi yang baik mamalia kecil, primat dan burung.

"Hari ini, Pasoh bukan sahaja dikunjungi oleh para penyelidik dari dalam dan luar negara, ia juga berfungsi sebagai pusat pembelajaran



Pemandangan dari atas menara tiga segi.



Antara penyelidik yang menjalankan kajian di situ.



Tangga menara tiga segi.

bagi kanak-kanak sekolah, pelajar kolej dan pelajar universiti dan orang awam," katanya.

## Menara aloi berkembar tiga

Fletcher berkata, sebuah menara aloi kembar tiga – sistem titian sila – telah dibina pada April 1992 hasil projek kerjasama antara FRIM dan National Institute on Environmental Studies (NIES) of Japan.

"Sistem ini meliputi tiga menara tegak sendiri (*freestanding towers*)

berketinggian 30 meter setiap satu dengan tangga individu di setiap seksyen," katanya.


Katanya, walaupun ia digunakan secara meluas di Amerika Syarikat, tetapi ia merupakan satu-satunya yang terdapat di Malaysia.

Menara ini menyediakan kemudahan untuk kajian mikro iklim dan fisiologi seperti pemerhatian fenologi dan kajian fauna di pelbagai peringkat kanopi.

"Salah sebuah menara telah di-

panjangkan mencecah ketinggian 52m, lebih tinggi dari ketinggian kanopi pokok. Menara ini hanya diguna pakai oleh para penyelidik kerana ia menempatkan pelbagai peralatan mikro meteorologi yang sensitif.

"Kebenaran menaiki menara boleh diperolehi daripada pejabat pengurusan SPF Pasoh. Pengguna hanya perlu mengikuti peraturan yang telah ditetapkan, dan ditemani kakitangan SPF Pasoh," katanya.



Peserta yang berjaya menaiki menara tiga segi.